

Parlimen: 5,983 Pegawai Awam Disiasat Kes Rasuah Sepanjang 2005-2011
Bernama
28 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat hari ini dberitahu bagi tempoh 2005 hingga 2011, sejumlah 5,983 pegawai awam telah disiasat berhubung kes rasuah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Liew Vui Keong berkata daripada jumlah itu, 816 telah dituduh di mahkamah, 324 disabit kesalahan, manaka 69 dilepas tanpa dibebaskan dan 298 didapati tidak bersalah.

Sebanyak 20 kes telah ditarik balik manakala 105 kes lagi masih dalam proses perbicaraan atau rayuan, katanya menjawab soalan Gobind Singh Deo (DAP-Puchong) mengenai jumlah pegawai awam yang disiasat dan keputusannya di sini.

Menjawab soalan tambahan Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Gading) sama ada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan menyiasat dakwaan bahawa Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim memiliki akaun bernilai RM3 bilion, Liew berkata SPRM tidak pilih kasih dalam menyiasat perkara berkaitan rasuah.

"Kalau perlu, akan dituduh. Tetapi yang penting mesti ada bukti yang mencukupi supaya tidak buang masa. SPRM boleh siasat kalau ada aduan, bahan bukti dan isu-isu yang mereka rasa perlu disiasat," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=676528>